

CONVEX MALAYSIA SDN. BHD.

(585759-H)

BMSM 2.5

DASAR SOSIAL DAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

CONVEX MALAYSIA SDN BHD selaku wakil pengurusan untuk KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE menawarkan perkhidmatan pengurusan mesyuarat, insentif, konvensyen dan acara kepada pelanggan dari dalam maupun luar negara.

Objektif kami adalah bagi membantu mengekalkan matlamat kemampanan jangka masa panjang industri pelancongan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam menyediakan perkhidmatan yang mengkhususkan sektor ini yang mana menggalak para peserta tempatan dan antarabangsa melawat Pusat Konvensyen kami terdapat beberapa faktor yang boleh menimbulkan kesan dari segi sosial. Disamping itu aktiviti-aktiviti kami juga mendedahkan orang awam, pekerja, pembekal dan kontraktor kami kepada risiko-risiko kesihatan dan keselamatan yang disebabkan bahaya – bahaya fizikal, biologi, kimia dan lain-lain di tempat kerja kami dan melalui makanan yang kami sediakan.

Dasar kami adalah untuk mengenal pasti aktiviti – aktiviti dan perkhidmatan yang berpotensi untuk menyebabkan kesan signifikan kepada faktor sosial dan juga menyenaraikan bahaya-bahaya serta risiko yang akan dihadapi oleh orang awam, pekerja, pembekal dan kontraktor dan menghapuskan atau mengurangkan risiko itu setakat yang praktik melalui rawatan atau cara lain.

Dalam usaha mencapai kemampanan, ia bermula dengan komitmen untuk mematuhi di mana praktik melebihi undang-undang keselamatan makanan, perundangan am dan keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia dan lain-lain kehendak yang berkaitan yang ditetapkan oleh undang-undang Malaysia. Keperluan ini berkaitan dengan aktiviti, dan sosial, risiko keselamatan dan kesihatan termasuk yang ditentukan oleh pelanggan kami dan/atau kami sendiri.

Secara keseluruhan objektif kami adalah untuk meningkatkan mutu sosial, keselamatan dan kesihatan para pekerja. Kami akan menetapkan objektif dan sasaran yang boleh dinilai untuk meningkatkan prestasi kami dari segi faktor sosial yang berkaitan dengan kesan yang signifikan serta mensasarkan penghapusan kejadian yang mengakibatkan penyakit atau kecederaan melibatkan kerja. Kami juga komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pencegahan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan dan kesihatan yang sesuai dengan tujuan, saiz dan konteks Convex dan berkaitan dengan risiko dan peluang keselamatan dan kesihatan kami.

Pertimbangan khusus akan diberikan kepada menggaji dan memberdayakan pekerja tempatan, dan di mana mungkin, produk dan perkhidmatan mampan boleh diperolehi dari sumber tempatan mengikut prinsip "Fair Trade".

Ia menjadi dasar kami untuk menerbitkan keputusan laporan penilaian tahunan dan dasar sosial dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini melalui jaringan komunikasi yang efektif dengan tetamu, pekerja, pembekal, kontraktor, komuniti tempatan dan lain-lain pihak yang berkaitan. Kami juga menggalakkan mereka untuk melibatkan diri dalam program – program kami yang berasaskan alam sekitar dan sosial bagi membantu kemampanan jangka masa panjang industri pelancongan.

Pelanggan, pekerja, pembekal dan kontraktor digalakkan untuk membaca dan memahami serta mengekalkan kandungan dasar organisasi kami dan menyampaikan maklumat ini kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan aktiviti dan perkhidmatan yang kami sediakan. Kami juga komited untuk mengadakan rundingan dengan pekerja kami, dan menggalakkan penyertaan pekerja kami dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan.

~~Dasar ini dan prestasi kami dari segi alam sekitar serta keselamatan dan kesihatan pekerja kami akan dikaji semula dan diubah semula dari masa ke semasa untuk mencerminkan komitmen berterusan kami.~~

ALAN MARK PRYOR
Pengurus Besar
Tarikh: 23/07/2020